

IPT elit isi tuntutan ilmu, industri

Negara harus mengejar tanda aras 10 institusi pendidikan terbaik di dunia

B.H 8/06/07 M/S 13

Oleh Mohd Feroz Abu Bakar

DUA pegangan yang saling bertenangan mengenai peranan institusi pengajian tinggi (IPT) ialah universiti untuk industri atau universiti untuk ilmu. Secara ringkas, universiti untuk industri bermaksud IPT berperanan mengeluarkan tenaga mahir yang diperlukan oleh pasaran ekonomi bagi membantu pertumbuhan negara.

Prinsip ini menuntut universiti menawarkan program pengajian yang selari dengan kehendak semasa industri seperti jika negara mahu membangunkan industri teknologi komunikasi maklumat, universiti mestilah mengeluarkan graduan bidang itu dengan secukupnya.

Berpegang kepada konsep itulah, universiti dipersalahkan kerana mengeluarkan graduan bidang tertentu yang tidak memenuhi spesifikasi industri hingga menyebabkan pengangguran siswazah. Prinsip kedua, universiti untuk ilmu berpegang kepada falsafah universiti berperanan untuk menghasilkan segelintir ilmuwan, penyelidik atau penganalisis, bukannya tenaga kerja yang ramai.

Berdasarkan falsafah ini, universiti bebas menawarkan apa saja bidang atau program pengajian untuk pelajarannya bagi memberi kefahaman mendalam terhadap sesuatu disiplin dan menjadikan mereka lebih matang serta lebih rasional selepas menamatkan pengajian.

Universiti ini biasanya menawarkan program seperti kesusasteraan, ekonomi dan pengajian falsafah yang graduannya bukan untuk memenuhi pasaran kerja yang besar. Dalam konteks sekarang, kedua-dua prinsip ini popular dengan pembahagian

juga biasanya menjadi rujukan kepada penyelidik baru dalam bidang berkenaan.

Universiti penyelidikan lebih tertumpu kepada program ijazah lanjutan, iaitu sarjana dan doktor falsafah (PhD). Peranan universiti penyelidikan lebih kepada menghasilkan graduan dengan PhD kerana pengajian berkenaan memberi kemahiran mendalam bagi melakukan penyelidikan dan analisis.

Bagi universiti penyelidikan, pengambilan pelajar tidak terlalu ramai bagi mencapai nisbah yang sesuai antara pensyarah dengan pelajar. Bagi universiti penyelidikan, peratus pemegang PhD dan jumlah profesor menjadi petunjuk yang digunakan untuk menilai prestasi universiti.

Universiti pengajaran bertumpukan program pada peringkat sarjana muda dan diploma dengan tujuan menghasilkan sumber manusia mahir serta separa mahir bagi memenuhi keperluan ekonomi negara.

Universiti pengajaran tidak semestinya mempunyai jumlah pensyarah yang memiliki PhD dan profesor yang tinggi seperti universiti penyelidikan. Ia disebabkan universiti pengajaran bukannya bertujuan melahirkan penyelidik atau bakal ilmuwan tetapi tenaga kerja.

Yang penting, universiti pengajaran mempunyai tenaga pengajar yang betul-betul tahu menyampaikan ilmu atau kemahiran kepada pelajar.

Secara am, Universiti Teknologi Mara sekarang seakan-akan memenuhi kriteria sebagai universiti pengajaran dan mungkin patut kekal dalam keadaan berkenaan.

Raja Muda Perak, Raja Dr Nazrin Shah, bertitah amat penting bagi setiap institusi pengajian meletakkan tanda aras tinggi dan

memberi fokus kepada aspek kualiti kerana kualiti tidak harus dikorbankan bagi mengejar pencapaian kuantiti.

Beliau yang juga Fellow Eminent Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) bertitah, amat membimbangkan jika sasaran kuantiti diberikan keutamaan hingga aspek kualiti sanggup diketepikan.

Baginda berkata, pencapaian kualiti memerlukan perancangan yang teliti lagi mendalam, ia tidak akan tercapai melalui pelaksanaan program secara mendadak dan terburu-buru.

Raja Dr Nazrin bertitah, institusi pengajian ternama di serata dunia, yang terkenal lagi tersohor dari aspek kualitinya menetapkan kawalan kualiti ketat dari segi pengambilan tenaga pengajar dan pelajar.

"Penghasilan graduan berkualiti amat bergantung pada tenaga pengajar berkualiti. Tenaga pengajar berkualiti adalah perisian yang tidak dapat dihasilkan dalam sekelip mata kerana tenaga pengajar berkualiti perlu memiliki cukup pengalaman dan cukup kematangan dalam kaedah penyelidikan, penulisan, pengajaran dan ia memerlukan masa," titahnya ketika merasmikan Kolej Profesional Mara Seri Iskandar, di Perak baru-baru ini.

Kenyataan Raja Dr Nazrin itu ada benarnya kerana Malaysia sekarang mempunyai 19 universiti awam tetapi tiada universiti khusus untuk melahirkan tenaga pengajar.

Raja Dr Nazrin bertitah, amat penting aspek kualiti dan pengawalan kualiti dipertahan setiap masa kerana jika itu gagal dilakukan, pelaburan khazanah negara dalam pendidikan tidak akan dapat mencapai puncak kegemilangan.

Titahnya, perlu ada persefahaman dan pertimbangan yang jelas serta nyata antara peranan penggubal dasar dan pelaksana dasar.

Baginda bertitah, pelaksana dasar pula perlu memahami persekitaran yang dapat membantu perkembangan intelek dan pertumbuhan intelek secara subur dan sihat.

Fasa 50 tahun kedua kemerdekaan adalah fasa untuk melengkapkan kuantiti institusi dengan komponen kualiti; komponen kualiti yang bertanda aras kepada 10 institusi pendidikan terbaik dunia.

Fasa 50 tahun kedua kemerdekaan harus mengupayakan institusi pendidikan tempatan menghasilkan graduan yang bukan sekadar dapat memenuhi keperluan sumber manusia negara, malah dapat menawarkan sumber manusia untuk keperluan dunia lebih luas lagi terbuka.

Untuk mencapai sasaran itu, universiti mesti menggabungkan kepakaran tenaga pengajar dengan pengalaman pengamal industri untuk melahirkan graduan terbaik dan memenuhi keperluan pasaran sumber manusia.

Naib Canselor, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Prof Tan Sri Dr Zulkifli Mohd Ghazali, berkata adunan antara pensyarah yang pakar dalam teori dan tenaga pengajar daripada kumpulan pengamal industri yang berpengalaman dalam amali itu menjadi formula bagi melahirkan graduan serba boleh.

Katanya, IPT memang perlu menanda aras dengan universiti terkenal dan UTM membuat tanda aras dengan institusi di United Kingdom seperti The University of Hull, Imperial College London dan University of Cambridge.

UTM juga dalam proses meningkatkan

antara universiti penyelidikan dan universiti pengajaran.


Kementerian Pengajian Tinggi beberapa tahun lalu memilih Universiti Malaya, Universiti Sains Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Putra Malaysia sebagai universiti penyelidikan.

Universiti penyelidikan bertujuan melahirkan penyelidik berwibawa yang berupaya menghasilkan penyelidikan cemerlang. Hasil penyelidikan berkualiti tinggi yang disempurnakan dalam bentuk tulisan ilmiah akan diterbitkan dalam jurnal terkenal dalam disiplin masing-masing.

Dari sini, penyelidik tempatan akan mendapat nama dalam dunia akademik serantau dan global serta meraih rasa hormat daripada rakan sebidang. Nama penyelidik yang muncul dalam jurnal antarabangsa ini

“*Institusi pengajian ternama di serata dunia, yang terkenal lagi tersohor dari aspek kualitinya menetapkan kawalan kualiti ketat dari segi pengambilan tenaga pengajar dan pelajar*”

Raja Dr Nazrin Shah
Raja Muda Perak



jumlah pensyarah dan pelajar antarabangsa selain mempunyai Pelan Strategik Universiti Kelas Dunia yang sentiasa dikemas kini sesuai dengan perkembangan semasa.

Universiti tertentu boleh dijadikan institusi elit dengan mengetatkan syarat pengambilan dan menerima masuk pelajar terbaik saja bagi menghasilkan graduan berkualiti.

Jika beberapa universiti awam dijadikan universiti elit dengan mengurangkan jumlah pelajar, pelajar yang tidak terpilih boleh mengikuti program di universiti lain, atau mereka boleh memohon ke universiti terbuka yang berpegang kepada prinsip pendemokrasian pendidikan.

Universiti terbuka tidak mengenakan syarat ketat untuk mengambil pelajar bagi semua peringkat pengajian.